

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(V)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB. GOOI ZI SEN**

18. Program kewarganegaraan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (a) Sila senaraikan jumlah permohonan yang telah diterima dibawah program kewarganegaraan Kerajaan Negeri sejak penubuhannya.
  - (b) Sila senaraikan peratusan permohonan yang berjaya mendapatkan status kewarganegaraan dibawah program tersebut.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. (a) Sejak pelaksanaan Program Kewarganegaraan pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah 1,997 permohonan dengan perincian seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Sejumlah 175 daripada 1,997 permohonan iaitu sebanyak 8.76% telah mendapat kelulusan kewarganegaraan, 1,464 permohonan (73.31%) dalam tindakan agensi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang serta Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang dan baki sebanyak 358 permohonan (17.93%) masih dalam tindakan unit kewarganegaraan Pulau Pinang.

**LAMPIRAN A**

**PERMOHONAN DI BAWAH PROGRAM KEWARGANEGARAAN DI NEGERI PULAU PINANG  
DARI TAHUN 2013 HINGGA 31 MAC 2020**

<b>JENIS PERMOHONAN</b>	<b>BILANGAN PERMOHONAN DALAM TINDAKAN PEGAWAI</b>	<b>BILANGAN PERMOHONAN DALAM TINDAKAN AGENSI KERAJAAN</b>	<b>BILANGAN PERMOHONAN BERJAYA</b>	<b>JUMLAH</b>
Permohonan taraf kewarganegaraan bagi Penduduk Malaysia dengan status Pemastautin tetap (MyPR) Sebelum dan Selepas Merdeka	111	474	24	609
Permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah PERKARA 15 (A) ( <i>Stateless</i> ) ;	94	674	7	775
Daftar lewat sijil kelahiran	34	109	24	167
Daftar lewat kad pengenalan	16	33	16	65
Kes Imigresen (masalah permit masuk, pas lawatan sosial dan pas lawatan pelajaran.)	70	88	68	226
Lain-Lain (Masalah kehilangan kad pengenalan pemastautin tetap, tiada sijil kelahiran dan lain-lain)	33	86	36	155
<b>JUMLAH</b>	<b>358</b>	<b>1,464</b>	<b>175</b>	<b>1,997</b>